

## ANALISIS HURAIAN TASAWUF OLEH AL-TAFTAZANI DAN MUSTAFA ABDUL RAHMAN TERHADAP HADIS 1 AL-ARBA 'IN AL-NAWA WIYYAH

**Rosni binti Wazir**

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah Akademi Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### Abstrak

*Al-Arba'in Al-Nawawiyyah adalah sebuah karya al-Nawawi yang paling terkenal dan telah diberi perhatian yang meluas oleh ilmuwan dari serata dunia. Mereka mempunyai pelbagai kaedah dan kecenderungan dalam menghuraikannya. Al-Taftazani adalah seorang tokoh tasawuf yang telah menghuraikan karya agung ini dengan kecenderungan tasawufnya dan Mustafa Abdul Rahman pula tanpa kecenderungan yang khusus. Penulisan ini akan membandingkan huraian yang dilakukan oleh kedua-dua tokoh ini terhadap elemen ikhlas yang ditonjolkan dalam hadis 1 al-Arba'in al-Nawawiyyah. Hasilnya akan memperlihatkan sama ada unsur-unsur tasawuf dapat dikeluarkan secara sempurna, sama ada oleh al-Taftazani atau Mustafa Abdul Rahman.*

### 1. Pendahuluan

*Al-Arba'in Al-Nawawiyyah* sebagai sebuah karya agung oleh al-Nawawi. Ia telah dipandang tinggi oleh ilmuwan kerana ciri-cirinya yang istimewa terutama sifat *jawami' al-kalim*<sup>1</sup>. yang terdapat pada 42 buah hadisnya. Al-Taftazani dan Mustafa Abdul Rahman adalah antara dua orang tokoh yang telah menampakkan minat yang mendalam terhadap karya ini dan telah menghasilkan karya huraian tentangnya. Kedua-keduanya datang dari keturunan yang tiada terkait, kecenderungan yang tidak sama, bahkan bahasa dan tutur juga jauh beza. Persamaan adalah pada minat mereka terhadap *al-Arba'in Al-Nawawiyyah*.

Perbezaan yang wujud telah memberi daya tarikan bagaimana mereka menghuraikan hadis yang sama, adakah terdapat elemen yang sama wujud atau langsung tiada persamaan. Perbandingan juga perlu dibuat untuk membuktikan bahawa hadis baginda mempunyai unsur tasawuf, sama ada dilihat oleh orang yang mempunyai kecenderungan ke arah tasawuf atau tidak.

<sup>1</sup> *Jawami' al-Kalim* adalah satu keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah kepada sabda-sabda Nabi Muhammad p. Ia pada dasarnya adalah sebagai yang disabdakan oleh baginda Rasulullah p :

عن أبي هريرة رضى الله عنه عن النبي p قال : بعثت بجوامع الكلم

Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Kata al-Khatabi (m.388H/998M) : “Allah I telah menganugerahkan Rasul-Nya dengan *jawami' al-kalim* yang menjadikannya kekuatan bagi kenabian dan risalahnya, juga bagi menyatakan kepentingan walaupun ringkas, memudahkan kepada pendengar untuk menghafaznya serta tidak membebankan. Sesiapa yang mengikuti *jawami' al-kalim* baginda, tidak akan hilang kejelasannya.” Sila lihat Abi Sulayman Hamid bin Muhammad bin Ibrahim al-Khatabi al-Busti (2001), *Gharib al-Hadith*, ‘Abd al-Karim Ibrahim al-‘Azbawi (tahqiq), j.1, cet.2, Makkah al-Mukarramah : Matb‘ah Umm al-Qura, h.64.

## 2. Biodata Al-Taftazani

Sa'ad al-Taftazani dilahirkan pada kurun ke 7H/13M merupakan tokoh yang terkenal dalam bahasa Arab, *al-mantiq*, *usul al-fiqh*, tafsir, *al-kalam* dan lain-lain. Beliau adalah kelahiran wilayah *al-'ajamiyyah* (bukan Arab) dan tidak pernah menjejakkan kaki ke wilayah Arab. Nama beliau sebenarnya adalah Mas'ud bin Umar bin 'Abd Allah al-Taftazani al-Harawi al-Syafi'i al-Khurasani, atau lebih dikenali sebagai Sa'ad al-Din al-Taftazani<sup>2</sup>. Ini adalah nama yang dipersetujui oleh ramai ulama seperti al-Suyuti<sup>3</sup>, Ibn 'Imad<sup>4</sup>, Ahmad bin Mustafa atau dikenali sebagai Tasy Kabari Zadah<sup>5</sup> dan al-Baghdadi<sup>6</sup> serta ramai lagi<sup>7</sup>.

Al-Taftazani dilahirkan di Taftazan<sup>8</sup> pada 722H/1322M, sebuah kawasan berhampiran Nasa, sebuah bandar berhampiran Khurasan. Ia terletak berhampiran Sarkhas, Marw dan Naysabur. Beliau berasal daripada sebuah keluarga yang terkenal. Bapanya, 'Umar yang diberi gelaran "Fakhr al-Din" atau "Zayn al-Din" merupakan seorang yang berilmu dan memegang jawatan qadi. Datuknya yang bernama 'Abd Allah diberi gelaran "Burhan al-Din" juga seorang kadi yang terkenal dan mempunyai kelayakan ilmu yang tinggi. Kehebatan yang dimiliki oleh keturunan ini jelas sekali mewarisi keilmuan yang dimiliki oleh moyangnya yang digelar "Syams al-Haq wa al-Din".<sup>9</sup>

Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 22 Muharram 792H/10 Januari 1390M di Samarqand. Kerandanya dipindahkan ke Sarkhas dan disemadikan di sana pada hari Rabu, 8 Jamadil Awaal tahun yang sama<sup>10</sup>.

---

<sup>2</sup> al-Shaukani (2006), *al-Badr al-Toli' bi Mahasin man Ba'd al-Qarn al-Sabi'*, Beirut : Dar Ibn Kathir, cet. 1, j.2, h. 294. Lihat juga Yusuf bin Taghr Barda al-Atabaki (1988), *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*, Dr. Nabil Muhammad 'Abd al-'Aziz (*tahqiq*), ttc : Markaz Tahqiq al-Turath, j.5, h. 190.

<sup>3</sup> Al-Suyuti (1979), *Bughyah al-Wu'ah fi Tabaqat al-Lughawiyin wa al-Nuhah*, Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim (*tahqiq*), cet.2, Beirut : Dar al-Fikr, h.285.

<sup>4</sup> Ibn al-'Imad (1992), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, Mahmud al-Arna'ut (*tahqiq*), cet.1, Beirut : Dar Ibn Kathir, j.8, h. 547.

<sup>5</sup> Tash Kabari Zadah (1985), *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Siyadah fi Mawdu'at al-'Ulum*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.1, h.190.

<sup>6</sup> Isma'il Basha al-Baghdadi (1951), *Hadiyyah al-'Arifin Asma' al-Mu'allifin wa Athar al-Muthannifin*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Lubnan, j.2, h.429

<sup>7</sup> Umar Reda Kahalah (t.t), *Mu'jam al-Mu'allifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-'Arabiyyah*, Beirut : Maktabah al-Mathna, Dar Ihya' al-Turath, j. 12, h.183.

<sup>8</sup> Berdasarkan kepada tempat lahirnya, maka jelaslah bahawa al-Taftazani ini bukanlah seorang yang berbangsa Arab, bahkan beliau adalah *al-'ajam* yang berbangsa Parsi (Iran). Lihat Muhammad Farid Wajdi (t.t), *Da'irah al-Ma'arif al-Qarn al-'Isyrun al-Rabi' 'Ashar - al-'Ishrin*, Beirut : Dar al-Fikr, j.2, h.677. Sehingga kini tiada karya yang menyebut secara jelas awal penghidupan al-Taftazani di kampung halamannya ini. Namun begitu, kebanyakan penulis mempunyai keyakinan yang sama iaitu di sinilah al-Taftazani memperolehi pendidikan awalnya dan beliau tidak menghabiskan masa yang lama di sana.

<sup>9</sup> Dr. 'Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala (1996), *op.cit.*, j.1, h. 159.

<sup>10</sup> Al-Mirza Muhammad Baqir al-Mawsa al-Khawansari al-Asbihani (1991), *op.cit.*, h.36.

Al-Taftazani mempunyai ramai teman ilmuwan yang hidup sezaman dengannya pada waktu itu seperti Imam al-Isnawi (704H/1304M - 772H/1370M)<sup>11</sup>, Ibn Kathir (706H/1306M - 774H/1372M)<sup>12</sup>, Taj Al-Din al-Subki (727H/1327M - 771H/1369M)<sup>13</sup>, dan ramai lagi.

Menurut pandangan Dr. 'Abd Allah 'Ali al-Mala, Sa'ad al-Taftazani berada pada liganya yang tersendiri berbanding tokoh-tokoh lain pada waktu itu kerana mereka mengkhusus pada 4 ilmu yang utama iaitu hadis, tafsir, fekah dan 'akidah, manakala al-Taftazani pula mengkhusus *ilm al-kalam, usul al-feqh, ilm al-mantiq* dan *al-balaghah*.<sup>14</sup>

Kepakaran beliau yang paling menonjol adalah dalam bidang tasawuf dan bahasa Arab, tetapi beliau juga mampu untuk menghasilkan dalam pelbagai bidang yang lain. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau adalah seperti *Sharh al-Tasrif al-Zanjani*<sup>15</sup>, *Al-Irsyad al-Hadi fi al-Nah*.<sup>16</sup>, *Sharh Al-Mutawwal 'ala Talkhis al-Miftah*<sup>17</sup> dan *Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawi*.<sup>18</sup>

Karya al-Taftazani yang menjadi tumpuan penulisan ini adalah *Sharh al-Taftazani 'Ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyyah* merupakan huraian kepada *al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Ia telah disenaraikan oleh Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba'in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba'in al-Nawawiyyah*.

Terdapat beberapa keistimewaan yang boleh dilihat pada karya ini :

<sup>11</sup> Beliau adalah 'Abd al-Rahim bin al-Hasan bin 'Ali bin 'Umar al-Qurasyi al-Isnawi. Imam, ahli al-tafsir, ahli fekah, mahir dengan ilmu *al-usul* dan *al-nahw*. Ibn Hajr al-'Asqalani (1972), *op.cit.*, j.1, h.193

<sup>12</sup> 'Isma'il bin 'Umar bin Kathir bin Daw' bin Kathir bin Zar'. Seorang yang sangat mahir dengan ilmu agama terutama mazhab al-Syafi'i dan memperolehi gelaran *al-Hafiz al-Kabir*. Lihat Ibn Hajr al-'Asqalani (1972), *op.cit.*, j.1, h.125.

<sup>13</sup> Beliau adalah 'Abd al-Wahab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi bin Tamam al-Ansari al-Syafi'i al-Subki. Mendapat gelaran *al-Imam, al-'Allamah, Syekh al-Islam* dan Qadi. Sila lihat *ibid.*, j.2, h.412.

<sup>14</sup> Dr. 'Abd Allah 'Ali Husayn al-Mala (1996), *op.cit.*, j.1, h.203.

<sup>15</sup> Ia merupakan syarah kepada *matan al-tasrif* yang dibuat oleh 'Iz al-Din Abu al-Fadl al-Zanjani yang meninggal pada tahun 655H/1257M. *Matan* ini dikenali sebagai 'al-'Izzi'. Sa'd al-Din al-Taftazani menghasilkan karyanya ini semasa usianya baru menjangkau 16 tahun dan ia merupakan karyanya yang terawal. Ia merupakan salah satu karyanya yang bercetak, terkenal dan mendapat perhatian ramai ilmuwan. Terdapat beberapa karya berbentuk *hashiah* dilakukan terhadap karya ini.

<sup>16</sup> Ia merupakan karya yang ditulis berkaitan ilmu *al-nahw*. Ia selesai ditulis pada tahun 774H/1372M di Khawarizim. Ia merupakan *matan* yang diringkaskan terhadap karya *al-Kafiyah* oleh Ibn al-Hajib. Karya ini telah mendapat perhatian ilmuwan dan telah *ditahqiq* dan disyarah beberapa kali.

<sup>17</sup> Ia dikenali sebagai *al-Mutawwal* dan berkaitan dengan ilmu *al-balaghah*. Ia merupakan syarah kepada *Talkhis al-Miftah* oleh Jalal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Qazwini. al-Taftazani mengarang kitab ini pada pertengahan 742H/1341M, sewaktu berusia 28 tahun dan ia disempurnakan pada tahun yang sama.

<sup>18</sup> Ia merupakan satu-satunya karya *sharh al-hadith* yang dilakukan oleh al-Taftazani. Sehingga kini tidak banyak maklumat yang diperolehi mengenai karya ini, malahan Dr.'Abd Allah 'Ali Husin al-Mala tidak menyenaraikannya sebagai salah satu karya al-Taftazani, berbeza dengan pendapat Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il yang menyenaraikannya sewaktu menjelaskan tentang biodata ringkas al-Taftazani di halaman awal *tahqiqnya*. Ia juga dipersetujui oleh beberapa pengarang yang lain seperti al-Baghdadi dan Haji Khalifa yang menyenaraikannya sebagai "al-Arba'in" li Sa'ad al-Din al-Taftazani. Lihat Sa'ad al-Din al-Taftazani (1998), *op.cit.*, h.19. Lihat juga Isma'il Basha al-Baghdadi (1951), *op.cit.*, h.430. Lihat juga Haji Khalifa (t.t), *ibid.*, j.1, h.56.

- a. Ia merupakan salah satu daripada karya *sharh* bagi *al-Arba'in al-Nawawiyyah* yang banyak menumpukan kepada nilai tasawwufnya. Ia memberikan dimensi yang berbeza berbanding karya-karya *sharh* yang lain.
- b. Kebanyakan tokoh yang dijadikan rujukan merupakan tokoh-tokoh yang berkaliber dalam bidang tasawwuf.
- c. Pengarangnya banyak menukilkan pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh bahasa serta ulasan-ulasannya juga banyak menjerus ke arah itu.
- d. Pengarang juga banyak menyentuh tentang isu-isu akidah yang dirasakan amat penting untuk difahami.
- e. Metod *sharh* juga menarik kerana pengarang bijak menggunakan gaya dan stail yang menarik minat pembaca seperti memberi kesimpulan terhadap perbincangan yang panjang, memberikan pengajaran terhadap perbincangan yang mendalam, membuat penjelasan tambahan kepada isu lain yang berkait dengan isu utama serta memberi penekanan terhadap isu-isu penting yang perlu difahami oleh pembaca.
- f. Berdasarkan kepada huraian pengarang, karya ini dapat digolongkan dalam karya *sharh al-Arba'in al-Nawawiyyah* yang agak besar saiznya.

### **3. Biodata Mustafa Abdul Rahman**

Mustafa Abdul Rahman dilahirkan di Gunung Semanggol, Perak pada tahun 1918 dalam sebuah keluarga berketurunan ulama. Beliau merupakan anak pertama daripada tujuh orang adik beradik. Bapanya Abdul Rahman bin Mahmud merupakan lulusan Universiti al-Azhar dan pernah menuntut di Masjidil Haram, Mekah lebih kurang 15 tahun. Beliau merupakan antara orang Melayu yang terawal mendapat pendidikan tinggi kerana mempunyai kedudukan kewangan yang baik dan berasal dari keluarga yang kuat pegangan agamanya.<sup>19</sup>

Beliau telah menghasilkan banyak karya, sama ada dalam bidang hadis dan bidang-bidang lain juga seperti Tafsir al-Quran al-Hakim, Akhlak dan Kewajipan Dalam Islam, Ringkasan Sejarah Khulafa' al-Rasyidin, Pedoman Hadis Junjungan Rasulullah dan banyak lagi.

Karya beliau yang menjadi tumpuan pada penulisan ini adalah Hadis 40 (Terjemahan dan Huraian) merupakan karya beliau yang terkenal dan masyhur. Ia merupakan satu huraian terhadap 42 buah hadis di dalam *al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Pengarang telah melakukan satu tugas yang bagus dengan menggunakan metodologi yang mesra pembaca dan mudah difahami, tidak terlalu ringkas dan tidak juga terlalu panjang. Setiap hari disertakan dengan terjemahan dalam bahasa Melayu, pengenalan terhadap perawi hadis, menyertakan maklumat tentang kepentingan hadis dan fadilatnya serta menghuraikannya berdasarkan tema utama dan tajuk-tajuk kecil dibawahnya.

### **4. Huraian Tasawuf Terhadap Hadis 1 : Segala Perbuatan Adalah Bersangkut-paut Dengan Niat**

---

<sup>19</sup> Haziyah Hussin, Mohd Arif Nazri & Nur Farhah Zainan Nazri (2012), *Mustafa Abdul Rahman (1918M-1968M) dan Kitab Hadis 40 (Terjemahan dan Syarahnya)*, dalam Warisan Hadis Ulama Nusantara (sunt. Mazlan Ibrahim), Penerbit UKM : Bangi, hlm.156.

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَبْتَغِيهَا ، فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ .<sup>20</sup>

Huraian Oleh Al-Taftazani :

Menurut ahli tasawuf, amalan zahir berkait rapat dengan apa yang ada di dalam hati manusia yang terhasil daripada cahaya perkara ghaib dan terdedahnya rahsia-rahsia hakikat iman dalam batin manusia. Ia berlaku sekadar mana kefahaman dan ilham yang diberikan oleh Allah Taala kepada manusia.<sup>21</sup>

Ini bermakna, amalan zahir yang dilakukan oleh manusia, amat berkait rapat dengan kesedaran yang diperolehinya tentang perkara-perkara ghaib dan hakikat-hakikat iman yang sebenarnya.

Beliau seterusnya membawakan sebuah syair berkaitan dengan sifat ikhlas :<sup>22</sup>

|  |  |
|--|--|
| Wahai hati yang lalai dengan kematian                            | Sebentar sahaja lagi kamu mengambil tempat antara segala mati            |
| Sesungguhnya mati itu ada baginya waktu dan ia pasti akan datang | Maka ingatlah kamu padanya setiap saat dan ketika                        |
| Janganlah kamu merasa tenang hati dengan dunia dan perhiasannya  | Telah datanglah maut wahai manusia yang berakal, telah tibalah maut itu. |
| Hendaklah kamu merasa tamak pada keikhlasan dalam amalan         | Sesungguhnya amalan yang bersih itu adalah dengan niat                   |

Beliau menjelaskan tentang kepentingan sifat ikhlas yang akan membersihkan perbuatan manusia dari segala sifat mazmumah yang lain. Manakala ikhlas itu akan hadir dalam diri apabila sentiasa ingat kepada kematian dan tidak merasa tamak dengan dunia.

Huraian Oleh Mustafa Abdul Rahman :

Huraian yang dibuat oleh Mustafa Abdul Rahman terhadap hadith yang sama (hadis 1) banyak menekankan pada kepentingan niat yang ikhlas dalam penerimaan amalan seseorang.

Sekiranya ikhlas niatnya kerana Allah, maka amalan beliau diterima. Ini jugalah yang ditekankan oleh al-Taftazani dalam huraianya.

Beliau juga menjelaskan perkara secara lebih mendalam dengan membahagikan amalan yang ikhlas itu kepada 3 bahagian :<sup>23</sup>

1. Amal yang dikerjakan kerana takut kepada Allah. Amal ini dinamakan ibadat hamba.
2. Amal yang dikerjakan kerana mendapatkan syurga dan pahala. Amal ini dinamakan ibadat saudagar.

<sup>20</sup> Al-Hafiz Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari*, Mausuh al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Salih bin 'Abd al-'Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Ali Sheikh (ed.), Kitab al-Iman, Bab Ma Ja'a Anna al-'Amal bi al-Niyyat al-Hasanah wa Likulli Imri'in ma Nawa, no. 54, Saudi Arabia : Dar al-Salam, h.7.

<sup>21</sup> al-Taftazani (2004), Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail (tahqiq), *Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyah* , Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah : Beirut, h.59.

<sup>22</sup> *Ibid.*, h.61.

<sup>23</sup> Mustafa Abdul Rahman (2005), Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahnya), Dewan Pustaka Fajar : Shah Alam, h.63

3. Amalan yang dikerjakan kerana malu kepada Allah dan kerana dilaksanakan hak kehambaan dan membuktikan kesyukuran serta merasakan diri sebagai seorang yang masih di dalam kecuaihan dan kebimbangan yang penuh ketakutan kerana tidak tahu adakah amalannya diterima atau tidak. Amal ini dinamakan ibadat merdeka.

Terdapat juga penjelasan tentang sifat riya' yang merosakkan sifat ikhlas seseorang dalam beribadat.

## 5. Analisis Huraian

Dalam huraianya, Mustafa Abdul Rahman tidak menyentuh perkara yang penting dari segi tasawufnya iaitu perbuatan atau perkara yang melahirkan sifat ikhlas dalam hati seseorang yang akhirnya akan menentukan status amalannya; diterima atau ditolak.

Al-Taftazani menyatakan dengan jelas bahawa untuk menghadirkan sifat ikhlas, seseorang itu perlu mendalami hakikat iman dan perkara-perkara ghaib yang akhirnya melahirkan satu cahaya dalam hatinya. Syair tentang zuhud yang dibawa oleh al-Taftazani itu mengaitkan sifat ikhlas hanya akan lahir apabila manusia sentiasa mengingati mati dan tidak terpesona dengan keindahan serta keelokan dunia. Imam al-Ghazali memberi tafsiran kepada sifat ikhlas dengan berkata : “Wahai anakku yang tercinta, Dan engkau juga bertanya kepadaku tentang ikhlas, maka ikhlas itu bahawa engkau menjadikan segala amalanmu hanya untuk Allah Taala dan hati engkau tidak merasa senang dengan pujian manusia dan engkau juga tidak peduli dengan kecemasan mereka..”<sup>24</sup>

Namun begitu, al-Taftazani tidak pula menyebut perkara-perkara yang membawa kepada terbatalnya sifat ikhlas tersebut iaitu riya' sebagaimana yang dijelaskan secara panjang lebar oleh Mustafa Abdul Rahman.

Sifat negatif ini merupakan lawan kepada sifat ikhlas itu sendiri iaitu mencari keagungan pada pandangan mata manusia dengan menunjukkan ibadah. Niatnya bukan kerana Allah tetapi kerana manusia.<sup>25</sup> Prof. Dr. Hamka pula menggunakan istilah *isyarak* sebagai lawan kepada ikhlas yang bermaksud “bersyarikat atau bercampur dengan sesuatu yang lain”. Memetik kata-kata beliau :<sup>26</sup>

Antara ikhlas dan *isyarak* tidak dapat dipertemukan, sebagaimana tidak pula dipertemukan antara gerak dan diam. Kalau ikhlas telah bersarang dalam hati, *isyarak* tak kuasa masuk, kecuali telah terbongkar keluar. Demikian juga sebaliknya, keluar segala perasaan *isyarak* dahulu, barulah ada tempat buat ikhlas.

Pendapat dari beliau ini boleh dijadikan alasan kenapa al-Taftazani tidak menyentuh isu ini dalam huraianya. Bagi beliau, dengan menekankan tentang pentingnya ikhlas, tidak perlu lagi dinyatakan tentang riya' atau *isyarak*.

---

<sup>24</sup> Imam al-Ghazali ( 2014), Abu Ali al-Banjari an-Nadwi (pent.) *Ayyuhal Walad*, Khazanah Banjariyyah : Kedah,h.59.

<sup>25</sup> Mohammad Nidzam Abd.Kadir (2010), *Tasawuf Kontemporari*, Telaga Biru : Kuala Lumpur, h.109.


<sup>26</sup> Prof. Dr.Hamka (2009), *Tasawuf Modern*, Darul Nu'man : Kuala Lumpur, h.146.



Terdapat satu lagi perkara penting yang tidak disentuh oleh al-Taftazani atau Mustafa Abdul Rahman iaitu perkaitan antara sifat ikhlas dengan sifat siddiq (benar) dan tempatnya adalah di hati. Gabungan elemen-elemen ini akhirnya akan melahirkan sifat taqwa. Prof. Dr. Hamka mengatakan bahawa tempat ikhlas dan *isyraq* ini adalah dihati. Seseorang itu tidak mungkin ikhlas sekiranya hatinya tidak tulus atau benar. Tulus dan benar (siddiq) itu disimpulkan pada 4 perkara :<sup>27</sup>

1. Iman jadi dasarnya
2. Alam jadi buktinya
3. Mendorong sesama manusia menjadi syiarnya
4. Sabar menjadi saudaranya.

Setelah cukup semuanya barulah dikatakan sebagai tulus atau benar yang akhirnya menimbulkan perasaan taqwa. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 177:



Maksudnya : Tidak lah jasa dan kebaikan itu, bahawa engkau palingkan mukamu ke Timur atau Barat. Tetapi jasa kebaikan adalah beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dengan malaikat dan Nabi dan dengan memberikan harta kepada yang berhak menerima dari kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, orang yang tidak tentu rumahtangganya. Budak yang ada harapan akan dimerdekakan dan mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan orang yang meneguhkan janjinya apabila berjanji dan orang yang sabar di waktu kesusahan dan kesempitan serta kesusahan yang tiba-tiba. Mereka itulah orang yang benar (tulus) dalam pengakuannya dan mereka itulah orang yang *muttaqin*.

Oleh itu berdasarkan ayat diatas, ketulusan yang membawa kepada taqwa meliputi 3 perhubungan :<sup>28</sup>

1. Perhubungan dengan Tuhan, dengan iman dan cabang-cabangnya.
2. Perhubungan sesama makhluk, dengan dasar tolong-menolong, gotong-royong.
3. Perhubungan dengan diri-sendiri, mendidiknya menjadi orang yang sabar dan jadi orang tawqqa.

<sup>27</sup> *Ibid.*, h.151

<sup>28</sup> *Ibid.*

Sheikh Ibn 'Ato'illah juga menekankan soal hati yang menjadi tempat berdirinya ikhlas di dalam kitab Hikamnya : "Amal perbuatan itu sebagai kerangka yang tegak, sedang ruh (jiwa)nya, ialah terdapatnya rahsia ikhlas (ketulusan) dalam amal perbuatan itu."<sup>29</sup>

## 6. Kesimpulan

Al-Taftazani yang sememangnya seorang tokoh tasawuf telah menghuraikan dua perkara yang utama berkaitan ikhlas iaitu sifat yang melahirkannya; iaitu pemahaman yang mendalam tentang makrifat dan hakikat iman, serta sifat yang menghilangkannya; iaitu lupa pada mati dan terpesona dengan tipu daya dunia.

Namun begitu, beliau telah mengabaikan elemen lain yang penting iaitu penjelasan tentang sifat riya', perkaitan antara ikhlas dan hati dan bagaimana ikhlas berkait rapat dengan kejujuran yang akhirnya melahirkan seseorang yang bertaqwa.

Mustafa Abdul Rahman pula telah menghuraikan sifat ikhlas ini secara luaran sahaja tetapi berjaya menarik perhatian apabila menyentuh tentang sifat riya' yang diabaikan oleh al-Taftazani.

Penekanan berbeza yang dilakukan oleh al-Taftazani dan Mustafa Abdul Rahman ini menggambarkan kecenderungan masing-masing. Elemen tasawuf sentiasa wujud dalam setiap hadis kerana baginda adalah seorang tokoh tasawuf yang hebat. Al-Taftazani sebagai tokoh tasawuf telah menyentuh perkara yang penting berkaitan dengannya tetapi masih belum menyeluruh. Mustafa Abdul Rahman pula, walaupun tidak menampakkan ciri-ciri ahli tasawuf yang ketara telah menyentuhnya secara luaran sahaja tetapi tetap mempamerkan kesedaran yang tinggi apabila bercerita tentang sifat riya' yang diabaikan oleh al-Taftazani.

## Rujukan

1. al-Atabaki, Yusuf bin Taghr Barda (1988), *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*, Dr. Nabil Muhammad 'Abd al-'Aziz (*tahqiq*), ttc : Markaz Tahqiq al-Turath, j.5.
2. al-Baghdadi, Isma'il Basha (1951), *Hadiyyah al-'Arifin Asma' al-Mu'allifin wa Athar al-Muthannifin*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Lubnan, j.2.
3. al-Bukhari, Al-Hafiz Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah (2000), *Sahih al-Bukhari*, Mausu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Salih bin 'Abd al-'Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Ali Sheikh (ed.), Kitab al-Iman, Bab Ma Ja'a Anna al-'Amal bi al-Niyyat al-Hasanah wa Likulli Imri'in ma Nawa, no. 54, Saudi Arabia : Dar al-Salam.
4. al-Busti, Abi Sulayman Hamid bin Muhammad bin Ibrahim al-Khattabi (2001), *Gharib al-Hadith*, 'Abd al-Karim Ibrahim al-'Azbawi (*tahqiq*), j.1, cet.2, Makkah al-Mukarramah : Matb'ah Umm al-Qura.
5. al-Ghazali, Imam ( 2014), Abu Ali al-Banjari an-Nadwi (pent.) *Ayyuhal Walad*, Khazanah Banjariyyah : Kedah,h.59.

---

<sup>29</sup>Sheikh Ibn 'Ato'illah (2001), H.Salim Bahreisy (pent.) *Terjemah al-Hikam*, Victory Agencies : Kuala Lumpur, h.27.



6. al-Shaukani (2006), *al-Badr al-Toli' bi Mahasin man Ba'd al-Qarn al-Sabi'*, Beirut : Dar Ibn Kathir, cet. 1, j.2.
7. Al-Suyuti (1979), *Bughyah al-Wu'ah fi Tabaqat al-Lughawiyin wa al-Nuhah*, Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim (*tahqiq*), cet.2, Beirut : Dar al-Fikr.
8. al-Taftazani (2004), Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail (*tahqiq*), *Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyah* , Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah : Beirut.
9. Haziyah Hussin, Mohd Arif Nazri & Nur Farhah Zainan Nazri (2012), *Mustafa Abdul Rahman (1918M-1968M) dan Kitab Hadis 40 (Terjemahan dan Syarahnya)*, dalam Warisan Hadis Ulama Nusantara (sunt. Mazlan Ibrahim), Penerbit UKM : Bangi.
10. Ibn 'Ato'illah (2001), H.Salim Bahreisy (pent.) *Terjemah al-Hikam*, Victory Agencies : Kuala Lumpur.
11. Ibn al-'Imad (1992), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, Mahmud al-Arna'ut (*tahqiq*), cet.1, Beirut : Dar Ibn Kathir, j.8.
12. Mohammad Nidzam Abd.Kadir (2010), *Tasawuf Kontemporari*, Telaga Biru : Kuala Lumpur, h.109.
13. Muhammad Farid Wajdi (t.t), *Da'irah al-Ma'arif al-Qarn al-'Isyrun al-Rabi' 'Ashar – al-'Ishrin*, Beirut : Dar al-Fikr, j.2.
14. Mustafa Abdul Rahman (2005), *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahnya)*, Dewan Pustaka Fajar : Shah Alam.
15. Prof. Dr.Hamka (2009), *Tasauf Moden*, Darul Nu'man : Kuala Lumpur, h.146.
16. Tash Kabari Zadah (1985), *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Siyadah fi Mawdu'at al-'Ulum*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.1.
17. Umar Reda Kahalah (t.t), *Mu'jam al-Mu'allifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-'Arabiyyah*, Beirut : Maktabah al-Mathna, Dar Ihya' al-Turath, j. 12..